

# Pilihan Raya Kecil DUN Balakong 2018 di Malaysia: Praktik Politik Baru

## *The 2018 Balakong By-Election in Malaysia: The Practice of New Politics*

Ariff Aizuddin Azlan<sup>1</sup>, Mohammad Tawfik Yaakub<sup>2</sup>, Fadhurul Hisham Aziz<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Seremban 3, Negeri Sembilan

<sup>2</sup>Jabatan Pengajian Pentadbiran dan Politik, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

<sup>3</sup>Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Seremban 3, Negeri Sembilan

### *Progres Artikel*

Diterima: 17 Januari 2019

Disemak: 9 Mei 2019

Diterbit: 31 Mei 2019

### \*Perhubungan Penulis:

Ariff Aizuddin Azlan,  
Fakulti Sains Pentadbiran dan  
Pengajian Polisi, UiTM,  
Kampus Seremban 3, Negeri  
Sembilan.

Emel:

ariffaizuddin@uitm.edu.my

**Abstrak:** Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) yang diadakan pada 9 Mei 2018 telah dinobatkan sebagai “ibu segala pilihan raya” di mana ia telah menyaksikan kejatuhan rejim autoritarian Barisan Nasional (BN) di peringkat nasional dan juga di beberapa peringkat negeri. Setelah berkuasa selama lebih dari separuh abad, parti dominan yang dikenali sebagai United Malays National Organization (UMNO) dilihat gagal untuk mempertahankan benteng politik mereka yang telah terbina sekian lama melalui proses demokrasi permuafakatan. Implikasi PRU14 jelas sekali menandakan bahawa majoriti rakyat dahagakan pembaharuan politik dan demi untuk merealisasikan agenda tersebut maka satu bentuk undi protes terhadap rejim BN telah dipamerkan. Kajian ini melihat fenomena dan gelagat politik baru melalui proses demokrasi yang dikenali sebagai pilihan raya kecil (PRK) yang berlaku pada pasca-Mei 2018 di Balakong, Selangor. Implikasi PRU14 itu bukan sahaja menunjukkan bahawa proses pendemokrasian itu tidak mustahil malah kajian ini berhujah bahawa terdapat beberapa fenomena politik baru yang berbangkit pada pasca-Mei 2018 itu melalui lensa PRK Balakong dan fenomena tersebut ditafsirkan melalui kerangka nasional. Walaupun terdapat beberapa kekangan politik yang dialami oleh kerajaan baru PH namun mereka masih berjaya mengekalkan status quo mereka.

**Kata kunci:** Pilihan Raya Kecil, Pakatan Harapan, Rejim, Barisan Nasional.

**Abstract:** The 14th General Election (GE14) which was held on May 9, 2018 had been perceived as the “mother of all elections” in which it had witnessed the downfall of authoritarian regime of Barisan Nasional (BN) at the national and state level. After being in a power for more than half a century, the dominant party of the United Malays National Organization (UMNO) failed to preserve their electoral victory throughout the ideas of consociational democracy. The implications of the GE14 was a clear-cut indicator that the majority of the people favored a new political change and in order to achieve that particular objective, a vote of protest against the BN was exhibited. This study looks at the phenomenon of new political behaviour via a democratic means known as the by-election that took place in the post-authoritarian May 2018 in Balakong, Selangor. The implications of the GE14 suggested that the democratization is not impossible and this study argues that the Balakong by-election served as a platform for the emergence of new patterns of politics and that particular phenomenon was analyzed within a national framework. Even though the new government of Pakatan Harapan (PH) encountered some of political predicaments but the status quo was successfully retained.

**Kata kunci:** by-election, Pakatan Harapan, rejime, Barisan Nasional

## Pengenalan

Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 yang diadakan pada 9 Mei 2018 telah mencatat satu bentuk sejarah sosio-politik baru apabila tumbangannya rejim autoritarian Barisan Nasional (BN) setelah berkuasa lebih dari separuh abad. Kebanyakan pemerhati politik tempatan tidak menjangkakan bahawa rejim BN tersebut akan ditumbangkan oleh satu gagasan politik kepembangkangan yang baru iaitu Pakatan Harapan (PH). Tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Transisi peralihan kuasa pada pasca Mei-2018 berlaku dalam suasana yang sangat aman dan tanpa melibatkan sebarang pertumpahan darah dan senjata seperti yang pernah berlaku di beberapa negara jiran seperti di Thailand, Indonesia, dan Filipina. Ini menunjukkan bahawa majoriti rakyat Malaysia masih percaya bahawa pilihan raya adalah jalan yang terbaik untuk mewujudkan persekitaran pendemokrasian dengan memberikan mandat sepenuhnya kepada parti kepembangkangan untuk mengemudi kepimpinan politik kenegaraan.

Implikasi Mei tersebut bukan sahaja mengakibatkan rejim BN kehilangan kuasa di peringkat pusat dan malah telah kehilangan beberapa buah negeri di Semenanjung seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Terengganu, dan juga termasuk Sabah. Kebanyakan sarjana melihat fenomena ini sebagai satu undi protes terhadap rejim autoritarian BN dan malah ada juga kajian yang berhujah bahawa salah satu faktor yang membawa kepada peralihan kuasa ini adalah fenomena “ayunan bandar” (Ariff Aizuddin & Mohammad Khairuddin 2018: 251). Episod kemenangan PH ini tidak hanya terhenti pada PRU14 tetapi dalam erti kata lain ia menjangkaui proses politik itu. Implikasi PRU14 tersebut telah melahirkan sebuah gagasan yang dikenali sebagai “Malaysia Baru” dan pasca-Malaysia baru ini telah menyaksikan beberapa pilihan raya kecil (PRK) yang berlaku dengan mengejut.

Kajian ini melihat secara terperinci fenomena politik yang berlaku di dalam PRK DUN Balakong di Selangor yang diadakan pada 8 September beberapa bulan selepas jatuhnya era rejim BN. Kajian ini juga berhujah bahawa pasca Mei 2018 ini mempamerkan satu praktik politik baru di dalam PRK Balakong. Walaupun pintu pendemokrasian telah dibuka namun masih terdapat beberapa isu yang dikira sebagai signifikan yang dilihat mampu untuk menggugat kestabilan praktik politik baru ini.

## Pilihan Raya Kecil: Satu Kerangka

Kajian mengenai Pilihan Raya Kecil (PRK) ini diberikan perhatian akademik yang meluas terutama sekali di sebelah Barat di mana para sarjana memposisikan kajian PRK di dalam bentuk teoretikal untuk melihat sejauh manakah implikasi daripada PRK yang diadakan itu

mampu untuk mempengaruhi proses politik di peringkat nasional. Barry Kay (1981) berhujah bahawa keberadaan sesuatu PRK itu ternyata amat berbeza sekali di mana ia dipertandingkan di dalam keadaan yang tidak sama dengan pilihan raya umum (PRU). Ini menunjukkan bahawa PRK dilihat sebagai satu persaingan kepartian yang bersifat lebih “berfokus” di mana sumber mobilisasi kepartian dapat digerakkan dengan lebih cepat dan teratur. Beliau juga menambah bahawa PRK itu dilihat sebagai satu penanda aras yang sangat penting dan ia mempunyai kaitan rapat dengan prestasi kerajaan yang memerintah.

Hujah tersebut memberikan satu gambaran teoretikal bahawa kajian mengenai PRK ini akan menjadi lebih menarik dan kritikal jikalau ia diolah dengan pelbagai jenis perspektif yang meliputi perbincangan sains sosial seperti Sosiologi, Sejarah, Sains Politik, Ekonomi, Psikologi, dan sebagainya. Selain itu, Stephanie Stray dan Mick Silver (1980) melontarkan satu persoalan kritikal iaitu adakah PRK mempamerkan ketidakpopuleran sesuatu kerajaan itu dan mereka juga memberikan satu andaian bahawa kebiasaannya prestasi rejim yang bertanding di dalam PRK didapati akan merosot. Jikalau andaian tersebut diterjemahkan ke dalam konteks politik Malaysia ternyata ia akan merungkai segala jenis persoalan yang dilengkapi dengan dapatan empirikal dan perbincangan kualitatif.

Keberadaan PRK di dalam konteks Malaysia ini dibahagikan kepada dua hujah yang utama iaitu (1) PRK dapat memperluaskan lagi ruang-ruang pendemokrasian yang sedia ada dan (2) PRK juga digunakan sebagai alatan politik untuk rejim autoritarian mengukuhkan lagi cengkaman kekuasaan mereka terhadap institusi kenegaraan. Jikalau diteliti kembali, era rejim BN diposisikan secara meluas melalui hujah yang kedua itu. Gabungan BN dianggotai oleh United Malays National Organization (UMNO) dan sekutunya Malaysian Chinese Association (MCA), dan Malaysian Indian Congress (MIC) di mana mereka telah mendominasi setiap PRU yang diadakan. Malaysia dikenali sebagai negara yang mempunyai masyarakat majmuk dan sistem pilihan raya yang digunakan secara tidak langsung telah menyebabkan jurang perkauman bertambah lebar di mana setiap undi yang dibuang adalah berpandukan etnisiti. Sama ada PRU ataupun PRK yang dijalankan, matlamat yang ingin dicapai adalah sama iaitu objektif pengukuhan rejim.

Walaupun parti pembangkang diberikan peluang untuk bertanding di dalam PRK tetapi rejim menafikan peluang untuk bertanding secara sihat dan ini memberikan pelbagai takrifan terhadap politik pilihan raya di Malaysia. Stephan Ortmann (2014) di dalam kajiannya berkaitan dengan PRK telah berhujah bahawa PRK memainkan peranan yang sangat signifikan terhadap penanda aras perubahan politik. Beliau meletakkan peranan yang dimainkan oleh PRK itu ke dalam kerangka rejim autoritarian dan seterusnya mengatakan bahawa

PRK itu boleh menjadi sesuatu “referendum” atau pungutan suara terutama sekali di dalam konteks pilihan raya persaingan autoritarian di mana PRK itu sendiri akan mendorong parti kepembangkangan untuk mendesak suasana pendemokrasian yang lebih hebat (Ortmann 2014).

Hujah berikut didapati selari dengan konteks politik tempatan. Apabila rejim BN mula gagal untuk mengekalkan majoriti dua-pertiga di dalam parlimen pada PRU 2008, terdapat beberapa PRK yang diadakan pada pasca-2008 di mana momentum kepembangkangan diraih dengan sebaiknya. Dari perspektif rejim autoritarian, PRK tersebut jelas memberikan mereka satu cabaran. Dalam erti kata lain, rakyat akan mengambil peluang untuk menghukum sesuatu rejim itu melalui alternatif yang tertentu seperti PRK. Dengan itu, rejim akan mengambil peluang untuk mempersembahkan satu prestasi pembangunan dengan menjanjikan pelbagai jenis janji yang bersifat material kepada pengundi.

Malang sekali, tesis tersebut kelihatan bercanggah dengan implikasi yang boleh dilihat pada PRU ke-14 di mana politik pembangunan itu dilihat sebagai tidak relevan dan bersesuaian dengan budaya rakyat Malaysia. Walaupun rejim dilihat agak agresif menonjolkan diri mereka dengan agenda pembangunan namun majoriti rakyat telah sebulat suara untuk menolak pendekatan tersebut melalui PRU ke-14. Undi protes yang dipamerkan bukan sahaja ditujukan kepada rejim autoritarian malah secara khusus kepada isu-isu yang berbangkit seperti ketidaktentuan ekonomi, kenaikan harga barang, Cukai Jualan dan Barangan (GST), korupsi, ketidaktelusan pentadbiran, skandal politik ekonomi 1 Malaysia Pembangunan Berhad (IMDB), dan gelagat rejim yang dilihat sebagai tidak mengendahkan suara rakyat.

### **PRK Balakong: Satu Penilaian**

Balakong merupakan salah satu dari kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di Selangor dan merupakan PRK yang kedua diadakan di negeri yang sama selepas PRK Sungai Kandis. Pasca Mei 2018 mencatatkan satu perubahan politik yang agak memberangsangkan di mana kebanyakan institusi mula dibebaskan dari cengkaman autoritarian yang pernah bertapak satu ketika dahulu terutama sekali pada era Datuk Seri Najib Tun Razak. Selangor adalah diantara negeri yang terawal yang menerima tempas pendemokrasian apabila rejim BN gagal untuk mempertahankan negeri tersebut pada PRU 2008. Semenjak itu, kerajaan Pakatan Rakyat (PR) yang dibarisi oleh Parti KeADILan Rakyat (PKR), Parti Islam Se-Malaysia (PAS), dan Democratic Action Party (DAP) mencatatkan satu prestasi sosio-politik yang memberangsangkan. Ini terbukti apabila PR berjaya mengekalkan status quo mereka di Selangor sekali lagi pada PRU 2013 dengan menafikan kejayaan rejim BN.

Walaupun kerajaan PR di Selangor telah berpecah akibat daripada krisis dalaman kepartian yang melibatkan PAS dan DAP dan digantikan dengan gabungan baru iaitu Pakatan Harapan (PH) namun masih lagi tidak dapat menggugat prestasi PH untuk kekal mendominasi kerajaan Selangor pada PRU 2018. Ini membuktikan bahawa gelagat pengundian di Selangor memang berpaksikan kepada politik matang dan baru yang dibawa oleh PH.

Apabila berlakunya pertukaran kepimpinan di peringkat nasional yang diketuai oleh Perdana Menteri ke-7 iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad, rakyat menyaksikan satu perubahan politik dan percaturan polisi yang sangat drastik. Langkah demi langkah diambil untuk membasmi saki baki cengkaman autoritarian. Institusi awam seperti badan perundangan dan badan legislatif (parlimen) mula diberikan ruang demokrasi yang secukupnya. Badan yang bertanggungjawab terhadap kesalahan rasuah dan salah-laku seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) diberikan autonomi oleh kerajaan baru untuk membawa pesalah ke muka pengadilan. Dalam erti kata lain, modal sosial di kalangan rakyat Malaysia yang satu ketika dahulu pernah luntur mula kembali pulih dan kebanyakan rakyat mula memberikan kepercayaan terhadap institusi-institusi yang dipertanggungjawabkan.

Kerajaan PH mengambil inisiatif untuk menangkap individu-individu yang bertanggungjawab ke atas beberapa skandal kewangan negara. Seperti contoh, beberapa minggu selepas berakhirnya PRU14, rumah bekas perdana menteri Dato Seri Najib Tun Razak telah diledah oleh polis dan menemui wang berjumlah jutaan ringgit dan beberapa barangan berharga yang lain. Di atas arahan kerajaan baru, perjalanan Najib Razak dan isteri beliau Rosmah Mansor telah disekat oleh pihak Imigresen. Tindakan awal kerajaan PH memberikan isyarat bahawa akan ada sejumlah penangkapan dan pendakwaan yang melibatkan salah laku tadbir urus negara. Berita pembongkaran tersebut mengejutkan segenap lapisan masyarakat. Malah skandal kewangan terbesar yang pernah dicatatkan di dalam sejarah politik Malaysia seperti IMDB juga mula disiasat oleh pihak berkuasa dan pendakwaan ke atas Najib Razak dan beberapa orang lain yang disyaki terlibat mula diambil tindakan.

Rentetan itu, kajian ini mewujudkan satu andaian bahawa penangkapan dan pendakwaan terhadap Najib akan memberikan implikasi sosio-politik terhadap imej Barisan Nasional (BN), terutama sekali UMNO. Sebagai parti ultra-Melayu yang bersifat konservatif dan sering dikaitkan dengan politik penaung-dinaung, UMNO telah dihukum oleh majoriti pengundi yang tidak menginginkannya sebagai sebuah kerajaan baru. Sarjana Sains Politik melihat ketidakupayaan UMNO/BN untuk mengekalkan cengkamannya di dalam PRU14 sebagai

satu kegagalan untuk belajar daripada “pengajaran politik” yang lepas (Muhamad Takiyuddin 2018).

Implikasi kemenangan PH di dalam PRU tempoh hari telah membuka ruang demokrasi yang sangat luas. Di samping faktor globalisasi yang menjadi pemangkin terhadap suhu perubahan politik di Malaysia, rakyat menjadi semakin celik dan mempunyai sifat ingin tahu terhadap sesuatu isu yang berlaku. Ini mengakibatkan perjalanan proses politik pendemokrasian di dalam konteks kenegaraan itu menjadi semakin lunak dan selari dengan tuntutan kontemporari. Ini mewujudkan satu persoalan yang nyata sama ada sejauhmanakah kerajaan PH yang digelar sebagai rejim demokratik dapat mengekalkan imej keterbukaannya dan kematangannya di dalam sistem politik pasca-autoritarian.

Di dalam kajian ini, PRK Balakong dijadikan sebagai satu sandaran khusus untuk melihat trend, isu, dan cabaran yang timbul akibat daripada persaingan pilihan raya yang bersifat bukan autoritarian. DUN Balakong terletak di bawah kawasan Parlimen Bangi, termasuk DUN Kajang dan DUN Sungai Ramal. Di dalam PRU14, Bangi tercatat sebagai kawasan parlimen yang terbesar di dalam Malaysia kerana mempunyai pengundi yang berdaftar lebih daripada 150,000 orang. Kawasan tersebut dimenangi oleh calon DAP Ong Kian Ming dengan majoriti sebanyak 68,768 undi dengan menewaskan calon dari PAS, MCA, dan Parti Rakyat Malaysia (PRM). Manakala DUN Kajang dan Sungai Ramal pula dimenangi oleh PKR. Indikator ini menunjukkan bahawa kawasan parlimen Bangi dan ketiga-tiga DUN di dalamnya adalah kubu kuat parti kerajaan PH. PRK Balakong diadakan berikutan kematian penyandanginya iaitu Ng Tien Chee dari DAP akibat nahas jalan raya. Dalam erti kata lain, PRK boleh didefinisikan sebagai satu proses politik yang mengejut dan singkat akibat dari tuntutan “semula jadi” ataupun hasil perancangan manusia dan ia mempunyai implikasi sosio-politik terhadap fenomena setempat.

Keberadaan PRK Balakong ini secara tidak langsung menjadikan diskusi politik tempatan pasca-Mei 2018 lebih menarik untuk diperdebatkan kerana majoriti pengundi ketika itu masih lagi terperangkap di dalam keletihan pilihan raya (*electoral fatigue*). Di dalam PRK Sungai Kandis, sebagai PRK yang pertama pada pasca-Malaysia baru, pengundi sebulat suara menyatakan sokongan mereka terhadap kerajaan PH dengan menunjukkan jalan keluar kepada calon UMNO. Walaupun terdapat beberapa andaian yang mengatakan bahawa pengundi memperlihatkan protes mereka terhadap kerajaan PH akibat daripada peratusan keluar mengundi yang rendah tetapi itu masih lagi tidak dapat dibuktikan melalui kajian akademik. Walaupun Selangor dikira sebagai kubu kuat kerajaan PH dan kerusi Balakong mencatatkan kadar peratusan yang tinggi untuk dimenangi oleh calon PH tetapi masih terdapat cabaran

politik yang dipaparkan oleh parti kepembangkangan (dibaca: BN dan PAS).

### **Isu dan Mobilisasi Dalam Politik Baru**

Di dalam kajian berkenaan dengan fenomena pilihan raya kecil, kebanyakan sarjana Sains Politik berpendapat bahawa isu-isu yang berbangkit di dalam konteks pilihan raya tersebut sememangnya tidak dapat dielakkan dan ia kebiasaannya diposisikan melalui kaca-mata teoretikal, perbincangan kualitatif dan beberapa pemerhatian empirikal. Walaupun proses PRK Balakong ini dilaksanakan di dalam satu suasana yang sangat kondusif namun masih juga terdapat beberapa cabaran sosio-politik yang perlu diberikan perhatian rapi yang melibatkan perspektif yang merentasi paradigma kemasyarakatan majmuk. Pasca-Mei 2018 adalah sinonim dengan gelaran “Malaysia Baru”.

Setelah beberapa dekad lamanya politik tanah air dibayangi dengan gelagat dan tingkah-laku autoritarian tetapi akhir sekali rakyat telah membuat satu keputusan yang bersejarah untuk menamatkan jangka hayat rejim BN melalui proses pengundian. Tindakan tersebut adalah bertentangan sekali dengan apa yang lazimnya dilakukan di kebanyakan negara-negara di Timur Tengah di mana rakyat membuat satu keputusan “politik keganasan” yang membawa kepada aktiviti protes di jalanan yang mengakibatkan pertumpahan darah tetapi di Malaysia gaya dan corak rakyat membuat keputusan dilihat lebih teratur, sistematik, dan matang. Lebih-lebih lagi fenomena globalisasi membantu untuk mempercepatkan lagi proses pendemokrasian yang diidamkan setelah sekian lamanya.

Kajian ini memberikan satu takrifan baru kepada “Malaysia Baru” iaitu satu proses politik baru yang tidak terikat dengan ketuanan kuasa parti dominan dan tidak mempunyai nilai-nilai autoritarian di mana pemusatan kuasa itu terletak sepenuhnya di atas tangan rakyat dan bukan pada rejim yang memerintah. Oleh itu, PRK Balakong dilihat sebagai satu medan persaingan yang mempunyai signifikan yang tersendiri kerana ia adalah diantara beberapa PRK yang terawal diadakan pada era rejim demokratik dan juga ketika BN dan UMNO tidak berkuasa di peringkat nasional. Di dalam tempoh waktu yang berdekatan dan juga semasa berlangsungnya PRK Balakong, terdapat beberapa isu utama yang dianggap sebagai kritikal terhadap pembangunan politik di Malaysia.

Seperti contoh, bekas parti dominan majoriti Melayu iaitu UMNO telah mengalami defisit kepercayaan yang begitu teruk sekali. UMNO terlibat di dalam proses pertukaran pucuk pimpinan iaitu apabila Najib meletakkan jawatan sebagai Presiden UMNO dan seterusnya digantikan oleh orang kanan beliau Dato Seri Zahid Hamidi yang menang melalui pemilihan UMNO. Ini sekaligus menandakan bahawa peranan yang

dimainkan oleh presiden parti Melayu terbesar itu adalah penting untuk UMNO bangkit kembali setelah dihukum oleh rakyat. Pada waktu yang sama, terdapat beberapa ahli parlimen (MP) dan ahli dewan undangan negeri (ADUN) dari parti UMNO yang mengisytiharkan untuk keluar dari parti dan menjadi calon bebas. Ini adalah satu tamparan politik yang begitu pahit buat UMNO di mana krisis kepercayaan terhadap parti tersebut dijangka akan merebak kepada parti komponen BN yang lain dalam tempoh waktu yang tertentu. Di peringkat negeri Sarawak pula, kebanyakan parti tempatan seperti Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) dan beberapa parti lain telah mengumumkan untuk keluar dari BN.

Terlihat bahawa tsunami politik yang terhasil dari Mei 2018 itu telah meragut sistem kepartian BN di peringkat nasional dan juga negeri. Terdapat anadaian awam yang mengatakan bahawa kebanyakan parti-parti komponen BN ingin mencari “jalan selamat” agar tidak terpalit dengan dakwaan skandal kewangan dan salah-laku yang membabitkan beberapa pemimpin atasan parti dan juga bekas pegawai kerajaan yang terdahulu. Secara logiknya, implikasi nasional tersebut telah memberikan kesan terhadap mobilisasi kepartian yang bertanding di dalam PRK Balakong terutama sekali MCA. PRK Balakong menyaksikan persaingan di antara DAP-PH dan juga MCA-BN. DAP mencalonkan salah seorang ahli mereka yang juga seorang daripada Anggota Majlis Subang Jaya iaitu Wong Siew Ki untuk mewakili PH menentang Tan Chee Teong dari MCA yang merupakan Ketua Pemuda MCA Cawangan Batu 11 Cheras.

PRK ini menampakkan sedikit perbezaan kerana ia adalah PRK yang tidak melibatkan lebih dari dua penjuror seperti mana yang dipraktikkan semasa PRU14 dahulu yang melibatkan calon dari PAS. Umum mengetahui bahawa demografi di Balakong menunjukkan bahawa Cina tercatat sebagai pengundi yang majoriti iaitu sebanyak 61.07 peratus, Melayu sebanyak 29.25 peratus manakala India pula sebanyak 8.79 peratus. Di dalam PRU14, DAP memenangi kerusi tersebut dengan majoriti sebanyak 35,538 undi menewaskan MCA dan juga PAS. Kebanyakan pemerhati politik tempatan melihat situasi ini sebagai satu situasi yang tidak selamat buat MCA. Selain itu, PAS juga memberikan laluan kepada MCA untuk bertanding dan sekaligus mengekalkan status quo petanding di kerusi tersebut.

Walaupun ramai yang menjangkakan bahawa PH akan menang mudah kerusi DUN Balakong tersebut namun itu tidak dapat mengelakkan kerajaan baru dari terus dibelenggu dengan pelbagai jenis isu yang agak baru dan mencabar. Implikasi yang nyata terhadap Malaysia Baru ini, terutama sekali di dalam konteks PRK Balakong ialah isu etnisiti yang berbau perkauman dan juga politik keagamaan yang dilihat mula meresap ke dalam pemikiran segelintir pihak. Sebagai parti pembangkang yang memilih untuk tidak bertanding, PAS menyeru dan menggerakkan anggotanya untuk membantu proses

berkempen bagi calon MCA. PAS adalah sebuah parti Islam yang mempunyai rekod perjuangan yang paling lama menentang rejim autoritarian dari zaman sebelum merdeka. Ini membangkitkan satu perdebatan akademik mengenai hala tuju PAS pada era Malaysia Baru. Walaupun PRK Balakong menyaksikan pertentangan di antara dua parti yang mempunyai majoriti Cina namun PAS sebagai parti konservatif bermajoriti Melayu tetap memainkan peranan yang penting di dalam diskusi persaingan kepartian tersebut. Tindakan PAS untuk memberikan bantuan kepada MCA telah menjadikan fenomena PRK Balakong itu menjadi lebih menarik untuk ditelusuri.

Pergeseran ideologi yang melibatkan isu perundangan Islam seperti Hudud yang ketara di antara DAP dan PAS telah memberikan kesan yang besar terhadap politik tempatan di mana gabungan Pakatan Rakyat telah berpecah. Beberapa ahli PAS yang digelar sebagai golongan “profesional” seperti Mohammad Sabu, Khalid Samad, Hatta Ramli, Salahuddin Ayub, Dzulkefly Ahmad dan beberapa orang lagi telah memilih untuk keluar dari PAS dan menubuhkan satu parti baru yang dipanggil Parti Amanah Nasional (AMANAH) pada September 2015. Dalam erti kata lain, ideologi memainkan peranan yang sangat penting untuk memastikan pengukuhan kerangka kepartian itu.

Dalam konteks Balakong dan terutama sekali di Selangor, MCA dilihat sebagai sebuah parti yang agak asing sekali kerana ia mencatatkan prestasi politik yang tidak memberangsangkan semasa di dalam PRU14 dan gagal untuk memenangi walau satu kerusi DUN. Semasa tempoh berkempen, MCA berhujah bahawa mereka akan memberikan tumpuan yang sepenuhnya terhadap proses reformasi dalaman parti dan MCA juga mengambil keputusan untuk bertanding dengan menggunakan logo parti mereka sendiri dan bukan logo BN (The Star Online 11 Ogos 2018). Mobilisasi MCA yang sedemikian memberikan satu andaian bahawa imej BN sudah tercemar dan oleh itu adalah baik bagi parti tersebut berjuang dalam kerangka yang tidak terikat sepenuhnya dengan BN.

Selain UMNO dan MIC, MCA juga mengalami kekalahan politik yang amat dahsyat dan ini dilihat sebagai satu bentuk penderitaan moral kerana majoriti rakyat dan pengundi lebih cenderung kepada parti yang berbilang kaum dan DAP adalah terbukti sebagai satu alternatif baru apabila berjaya menjadi sebahagian daripada kerajaan pusat. Isu seperti “kepembangkangan” juga dilihat menjadi topik hangat semasa dalam PRK. Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang menegaskan bahawa setiap undi yang diberikan kepada MCA adalah di atas “semangat pembangkang” dan PAS berhujah dan menyatakan bahawa undi ke atas MCA itu adalah disebabkan kerana mereka adalah rakyat Malaysia (Malaysiakini 16 Ogos 2018).

Ironinya, PRK Balakong ini bukan sahaja terbukti sebagai medan untuk parti yang bertanding mengukur tahap sokongan mereka tetapi ia juga boleh menjadi satu landasan untuk melihat perubahan gelagat, terutama sekali di pihak pembangkang seperti MCA dan PAS. Sebagai sebuah parti yang konsisten menentang pelaksanaan hukum hudud yang dicadangkan oleh PAS, MCA telah dijadikan sebagai rakan politik pada pasca-Malaysia Baru dan terutama sekali di dalam konteks PRK Balakong. Sewaktu tempoh berkempen, PAS juga dilihat berkongsi pentas bersama MCA di dalam sebuah ceramah politik yang diadakan dan diantara mesej yang disampaikan adalah berkenaan dengan kebolehmampuan kerajaan PH untuk melaksanakan manifesto pilihan raya mereka.

Sungguhpun sejarah menyatakan bahawa MCA tidak pernah bersetuju dengan idea negara Islam yang dibawa oleh PAS tetapi pada pasca-Mei 2018 dan terutama sekali di dalam PRK Balakong, gelagat kepartian yang dipamerkan oleh PAS dan MCA ternyata telah menjadi satu persoalan dan ini menandakan bahawa pergeseran ideologi yang pernah berlaku diantara mereka bukan lagi menjadi satu kekangan politik. Seperti MCA, mereka berkempen dengan menyatakan hasrat mereka untuk mewujudkan satu sistem “semak dan imbang” di dalam DUN dan disamping itu MCA juga menggunakan pendekatan melalui ceramah politik mereka dengan menyampaikan beberapa mesej yang berkaitan dengan kelemahan kerajaan PH terutama sekali yang melibatkan beberapa program dan janji politik yang pernah dicadangkan.

### **Analisis Keputusan**

Seperti yang dijangkakan oleh kebanyakan pemerhati politik, PRK Balakong berjaya dimenangi oleh calon DAP-PH. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengatakan bahawa PRK tersebut mencatatkan peratusan pengundi yang sangat rendah di dalam sejarah PRK di Malaysia iaitu sebanyak 43 peratus. Ramai yang berpendapat bahawa kebanyakan pengundi di Balakong masih lagi “keletihan” apabila baru sahaja membuang undi di dalam PRU14. Hakim (1994) berhujah bahawa pada setiap pilihan raya yang berlaku, kebiasannya ia akan mencatatkan kadar peratusan keluar mengundi yang rendah.

Di Malaysia yang secara lazimnya mempraktikkan sistem pilihan raya “*first-past-the-post*” secara tidak langsung telah memberikan kelebihan kepada parti yang menang walau dengan perbezaan hanya satu undi sekalipun. Di Balakong, DAP berjaya mengalahkan MCA dengan majoriti sebanyak 18,533 undi di mana DAP memperolehi sebanyak 22,508 undi dan MCA sebanyak 3,975 undi. Walaupun undi yang diperolehi kedua-dua parti tersebut dilihat mempunyai penurunan tetapi pertandingan kali ini tidak melibatkan PAS sebagai pihak

ketiga. Maka status quo kemenangan masih berjaya dikekalkan oleh DAP-PH. Persaingan tiga penjur yang berlaku di Balakong semasa PRU14 yang melibatkan DAP, MCA, dan PAS ternyata tidak mengurangkan undi yang diperolehi PH malah undi tersebut meningkat dengan mendadak dan diterjemahkan sebagai satu bentuk undi protes terhadap rejim BN.

Kemenangan kerajaan PH di dalam PRK Balakong memberikan pelbagai signal politik. Jika dilihat dari sudut demografi etnik di Balakong, etnik Cina membentuk sebagai majoriti pengundi dan diikuti dengan Melayu dan India. Ini jelas menunjukkan bahawa pengundi Cina bersikap selesa dan senang dengan DAP. Di dalam PRU14, PH mencatatkan prestasi yang mengagumkan apabila berjaya menawan hampir semua kerusi parlimen dan DUN di Selangor. Ini menandakan bahawa majoriti penduduk di Selangor berpuas hati dengan prestasi pentadbiran kerajaan Selangor semenjak dari tahun 2008 lagi.

Kepesatan Selangor sebagai sebuah negeri perindustrian yang sedang membangun dan juga sebagai medan pertukaran buah fikiran yang pesat telah menguatkan lagi hujah bahawa kebanyakan penduduk semakin matang dalam membuat satu keputusan politik dengan menafikan kewujudan BN di negeri tersebut. Tempias tersebut turut dirasai di dalam PRK Balakong di mana pengundi masih lagi mahu menjadikan calon DAP sebagai sebahagian daripada kerajaan negeri. Tambahan pula, rekod dan prestasi politik BN, terutama sekali MCA, pada masa lalu tidak memberikan satu jaminan yang utuh bahawa rakyat tidak akan dinafikan sekali lagi berikutan daripada beberapa isu yang berbangkit seperti GST, skandal 1MDB, korupsi, hak untuk bersuara, dan lain-lain lagi. Dalam erti kata lain, rakyat merasa selesa dengan agenda pembaharuan yang dibawa oleh kerajaan PH dari pelbagai sudut sosio-politik yang berbeza.

### **Kesimpulan**

Rakyat membaca fenomena PRK Balakong ini dengan intonasi isu-isu nasional yang berbangkit selepas pasca-Mei 2018. Kajian ini juga melihat bahawa pasca-Mei 2018 akan menyaksikan persaingan di antara parti politik melalui proses pilihan raya kecil yang bakal berlaku sama ada secara mengejut ataupun dirancang. Ini menjadikan proses demokrasi pilihan raya itu bertambah menarik apabila gelagat kepartian yang bersifat kepelbagaian itu mula terserlah melalui kajian yang dinukilkan. Dalam erti kata lain, PRK Balakong ini menjadi salah satu paradigma asas dan juga penanda aras bagi melihat sokongan pengundi terhadap kerajaan baru yang dibentuk di peringkat nasional dan negeri. Walaupun PRK Balakong ini boleh dikategorikan sebagai salah satu kes ataupun fenomena yang terencil namun ia tetap mempunyai signifikansi yang tersendiri dan perlu diberikan dan diposisikan melalui gaya akademik. Isu-isu berbangkit di

dalam PRK Balakaong seperti mobilisasi kepartian, isu agama dan perkauman merupakan satu petanda awal bahawa Malaysia bakal menyaksikan gelagat seperti ini berlangsung untuk satu jangka waktu yang agak lama.

### **Rujukan**

- Ariff Aizuddin Azlan & Mohammad Khairuddin Majidillah. (2018) Ayunan Bandar Dalam Pilihan Raya Umum Ke-14: Kajian Kes Negeri Sembilan. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics, and Strategic Studies* 45 (2): 251-272.
- Kay, B. (1981). By-Elections as Indicators of Canadian Voting. *Canadian Journal of Political Science* XIV (1): 37-52.
- Malaysiakini, 16 Ogos 2018 (atas talian), PAS: Undi MCA di Balakong Sebab Mereka Rakyat Malaysia, <https://www.malaysiakini.com/news/439208>
- Muhamad Takiyuddin Ismail. (2018) Kejatuhan UMNO Dalam Pilihan Raya Umum Ke-14: Analisis Pengajaran Politik. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics, and Strategic Studies* 45 (2): 319-342.
- Muhammad A. Hakim. (1994) The Mirpur Parliamentary By-Election in Bangladesh. *Asian Survey* 34 (8): 738-747.
- Ortmann, S. (2014). The Significance of By-Elections for Political Change in Singapore's Authoritarian Regime. *Asian Survey* 54 (4): 725-748.
- Stray, S & Mick Silver. (1980). Do By-Elections Demonstrate a Government's Unpopularity? *Parliamentary Affairs* 33 (3): 264-270.
- The Star Online, 11 Ogos 2018 (atas talian), Liow: MCA to Focus on Party Reforms, Balakong By-election First, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/08/11/liow-mca-to-focus-on-party-reforms-balakong-by-election-first/>